

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEEMPAT  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
26 NOVEMBER 2021**

**PERKARA : 4(A)54**

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN BATU UBAN  
YB. KUMARESAN A/L ARAMUGAM**

54. Mengikut statistik daripada Liga Bola Sepak Malaysia (MFL) Liga Super 2021, Penang FC mencatat jumlah pasukan ketiga tertinggi raih tontonan iaitu 13.2 juta menerusi platform *Youtube* rasmi Unifi.
- (a) Adakah MFL membayar royalti penyiaran kepada Penang FC dan berapa jumlah yang diterima?
- (b) Berikan perincian bagaimana royalti tersebut digunakan.

**YB. SOON LIP CHEE  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

54. Sehingga kini, Penang FC (PFC) masih belum menerima sebarang bayaran berkaitan royalti penyiaran menerusi saluran *Youtube* rasmi Unifi.

Mesyuarat Rakan Kongsi Liga bersama pihak MFL pada awal musim 2021 memaklumkan bahawa butiran perincian agihan royalti penyiaran akan dibuat selepas tamat liga dan akan dibentangkan dalam Mesyuarat Rakan Kongsi Liga pada 22 November 2021.

Selain itu, siaran perlawanan bola sepak Liga Super yang turut melibatkan perlawanan PFC di saluran *Youtube* adalah merupakan ihsan daripada pihak Unifi yang mana sepatutnya ia hanya disiarkan di laman rasmi Unifi sahaja.